



Hukum Meninggalkan Solat Fardu

Firman Allah SWT yang bermaksud:

“(Kalau orang yang demikian dikira sebagai orang yang mendustakan agama), maka kecelakaan besar bagi orang yang solat. (Iaitu) orang yang lalai daripada menyempurnakan solatnya.”

(Surah al-Ma'un 4-5: 107)

Hukum meninggalkan solat fardu atau melengahkannya tanpa sebarang keuzuran sehingga terkeluar dari waktunya adalah berdosa besar. Pelakunya hendaklah bertaubat serta **wajib mengqadhakan solat** yang ditinggalkan pada bila-bila masa dengan kadar yang segera.

Imbas kod QR ini untuk penerangan lanjut:

<https://muftinegeri.sarawak.gov.my> +60 82-507500

Hukum Meninggalkan Solat Fardu

Solat merupakan kewajipan yang perlu dilaksanakan pada waktunya. Firman Allah *Subhanahu wataala*:

إِنَّ الصَّلَاةَ كَانَتْ عَلَى الْمُؤْمِنِينَ كِتَابًا مَّوْقُوتًا ...

Maksud: "... Sesungguhnya solat itu adalah satu ketetapan yang diwajibkan atas orang-orang yang beriman, yang tertentu waktunya."

(Surah an-Nisa': 103)

Hadis riwayat Anas ibnu Malik Radiallahu anhu bahawa Rasulullah *Sallallahu alaihi wasallam* bersabda:

مَنْ نَسِيَ صَلَاةً فَلْيُصَلِّ إِذَا ذَكَرَهَا لَا كَفَّارَةَ لَهَا إِلَّا ذَلِكَ

Maksud: "Sesiapa yang terlupa solat, maka hendaklah dia menunaikannya apabila dia teringat akannya, tidak ada kafarah untuknya melainkan hal tersebut."

(Hadis Riwayat al-Bukhari no. 597)

Meninggalkan solat fardu atau melengah-lengahkannya tanpa apa-apa keuzuran hingga terkeluar dari waktunya adalah berdosa besar dan wajib diqadkan solat yang ditinggalkan tersebut serta hendaklah bertaubat. Waktu qada solat boleh dilakukan pada bila-bila masa dan sesegera yang mungkin. Oleh itu, sewajarnya setiap umat Islam sentiasa menjaga dan mengambil berat atas kewajipan solat yang telah difardukan.